

Bengkel MBot U-Science UMS pupuk inovasi teknologi robotik

UB 30.12.2021 P.08

KOTA KINABALU: U-Science Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Kelab Robotik UMS menjayakan penganjuran Bengkel MBot 2021 baru-baru ini dalam usaha mengetengahkan lagi bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Bengkel berkenaan bertujuan memberi peluang kepada pelajar Kelab Robotik UMS khususnya untuk menggunakan kebolehan kognitif dan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.

UMS dalam kenyatannya semalam berkata, bengkel itu sebagai plat-

form untuk mengasah kemahiran peserta agar dapat menjadi seorang fasilitator yang berkemahiran dan berpengetahuan dalam robot MBot.

Pada sesi bengkel itu, ahli akademik dari Fakulti Kejuruteraan (FKJ) UMS Prof. Madya Dr. Muralindran Mariappan ber-



BENKEL: Peserta melakukan proses menyusun dan muat naik 'Block Coding' pada MBot.



UJI: Peserta menguji prestasi robot MBot pada 'Maze Track'.

tanggung jawab sebagai jurulatih utama sambil dibantu dua orang alumni FKJ sebagai fasilitator iaitu Simson Agung Benung dan Christ Adel Abu Constantine.

Muralindran memaklumkan, program dimulakan dengan taklimat berkaitan pengenalan setiap komponen kit MBot kepada peserta, sebelum para peserta diagihkan kepada empat kumpulan dan setiap kumpulan diberi dua kit MBot untuk latihan praktikal.

"Proses membina sebuah MBot dimulakan dengan fasa pemasangan dengan setiap perkakasan kit MBot

dipasang berpandukan arahan fasilitator dan setiap komponen elektrik disambungkan kepada pengawal mikro pada kit MBot.

"Fasa seterusnya adalah fasa untuk memberi arahan kepada robot MBot dengan memuat naik 'Block Coding' pada robot MBot, yang melibatkan tiga arahan yang dimuat naik pada robot MBot iaitu arahan untuk robot bergerak secara manual, arahan untuk robot bergerak berpandukan garisan hitam dan arahan untuk robot bergerak mengelak objek yang berada di hadapan robot," katanya.

Muralindran berkata, pada akhir program itu, sebuah pertandingan diadakan dalam kalangan peserta iaitu mengawal robot MBot bergerak secara manual melalui 'Maze Track' yang disediakan oleh fasilitator.

"Setiap masa yang diperlukan oleh setiap kumpulan melalui trek berkenaan akan direkodkan dan hasilnya, kesemua kumpulan peserta berjaya melepasi 'Maze Track' itu di bawah masa 20 saat," jelasnya.

Seramai 16 pelajar UMS serta tiga kakitangan dari U-Science dan Perpustakaan UMS menyertai bengkel itu. *